

**PELAKSANAAN SISTEM PENTAKSIRAN PENDIDIKAN
IKRAM MUSLEH
DI RANGKAIAN SEKOLAH RENDAH ISLAM IKRAM MUSLEH**

SHAMSUDIN BIN MOHAMED DOM

Laporan ini dikemukakan sebagai memenuhi
sebahagian daripada syarat penganugerahan
Ijazah Sarjana Pendidikan
(Pengurusan dan Pentadbiran)

**FAKULTI PENDIDIKAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

2013

DEDIKASI

Istimewa buat isteri tersayang,

Masitah Binti Kabol

Segala kesabaran dan doa mu menjadi nadi kejayaan ini. Terima kasih kerana sentiasa memahami dan tidak pernah jemu memberi dorongan.

Anakanda yang dikasihi,

Nur Syazanie Mirza

Nur Syaqqif Muhadif

Nur Syuhail Mulhim

Kalian menjadi sumber kejayaan ku dan semoga anakanda juga akan terus berjaya di dunia dan di akhirat...Amin.

Untuk Arwah Ayahanda, Bonda dan Mertua,

serta keluarga tersayang,

Terima kasih atas doa, kerjasama, nasihat dan dorongan yang tidak pernah putus.

Sesungguhnya kalian semua amat bermakna buat diri ini.

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, syukur ke hadrat Illahi kerana dengan limpah rahmat dan kurniaNya, kajian ini dapat disempurnakan mengikut jadual.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Tuan Haji Hassan Bin Hushin yang sedia membantu dan membimbing baik di dalam mahu pun di luar waktu kuliah. Tanpa kerjasama dan bantuan yang sepenuhnya diberikan, adalah mustahil kajian ini dapat disempurnakan.

Setinggi penghargaan dan ucapan terima kasih dirakamkan kepada keluarga tercinta atas segala pengorbanan, pengertian, sokongan dan dorongan yang diberikan terutama di sepanjang laluan program ini. Ucapan terima kasih juga dirakamkan kepada semua pensyarah yang telah mencurahkan ilmu di sepanjang tempoh pengajian ini, serta rakan-rakan yang telah member kerjasama dan penuh pengertian.

Setinggi ucapan terima kasih juga kepada Ustaz Mohd Jelani Bin Ramli , pihak pengurusan Sekolah Rendah Islam Al-Hidayah, Sekolah Rendah i-Musleh dan Sekolah Rendah As-Saidiyyah di atas kerjasama yang diberikan. Semoga kerjasama dan bakti yang dicurahkan akan mendapat ganjaran dari Yang Maha Kuasa dan semoga Allah memberkati kehidupan kita semua di dunia dan akhirat.

Amin.

Sekian, Salam Hormat.

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pelajar Islam Musleh (SPPIM) di tiga buah Rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh. Kajian ini adalah untuk mengenalpasti persepsi, sikap, masalah dan tahap komitmen guru terhadap pelaksanaan SPPIM. Sampel kajian terdiri daripada 150 orang guru yang dipilih melalui persampelan rawak bertujuan. Data yang diperolehi dikumpul, disemak dan dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package of Social Science (SPSS) versi 16.0*. Statistik yang digunakan ialah statistik deskriptif yang melibatkan frekuensi, skor min dan peratus. Manakala statistik inferensi melibatkan *ujian-t* dan *ujian kolerasi Person* digunakan untuk menjawab persoalan kajian. Nilai kebolehpercayaan *Alpha Cronbach* 0.89 diperolehi daripada kajian rintisan yang dijalankan terhadap 10 orang guru. Hasil kajian menunjukkan persepsi dan sikap guru terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pelajar Islam Musleh adalah tinggi dengan nilai min 4.16 dan 4.02. Seterusnya hubungan persepsi dan sikap guru terhadap komitmen kepada sekolah juga menunjukkan nilai min yang tinggi iaitu 3.9. Ujian korelasi menunjukkan terdapatnya hubungan yang signifikan antara faktor persepsi guru dengan tahap komitmen guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH. Seterusnya kajian mendapati terdapat juga hubungan yang signifikan antara sikap guru dengan tahap komitmen guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH. Dapatan ini menunjukkan guru-guru memberikan respon yang positif terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram Musleh.

ABSTRACT

This study was conducted to examine the implementation of Islamic Student Assessment System Musleh (SPPIM) in three Islamic Primary School Network Ikram Musleh. This study was to identify the perceptions, attitudes, problems and teachers' commitment to the implementation of the SPPIM. The study sample consisted of 150 teachers who were selected through random sampling aims. Data were collected, reviewed and analyzed using Statistical Package of Social Science (SPSS) version 16.0. Statistics used were descriptive statistics involving frequencies, mean and percent. While statistical inference involve the t-test and correlation test Person is used to answer the research questions. Alpha Cronbach value of 0.89 obtained from the pilot study conducted on 10 teachers. Results showed that teachers' perceptions and attitudes toward the implementation of Islamic Student Assessment System Musleh was high with a mean of 4.16 and 4.02. Next relationship perception and attitude towards commitment to the school also showed a high mean value of 3.9. Correlation test showed that there is a significant relationship between teachers' perception of the level of commitment of teachers in primary school network on the implementation of Islamic Ikram Musleh Ikram MUSLEH Education Assessment System. This study also found a significant relationship between teachers' attitude and commitment level network of teachers in primary schools for the implementation of Islam Ikram Musleh Ikram MUSLEH Education Assessment System. The findings show that the teachers responded positively to the implementation of the Education Assessment System Ikram Musleh.

ISI KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGHARGAAN	i
	ISI KANDUNGAN	ii
	SENARAI JADUAL	iv
	SENARAI RAJAH	iv
	SENARAI LAMPIRAN	iv
1	PENDAHULUAN	1
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Pernyataan Masalah	6
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	8
	1.6 Hipotesis Kajian	9
	1.7 Kepentingan Kajian	9
	1.8 Skop dan Batasan Kajian	10

1.9	Kerangka Konseptual Kajian	11
1.10	Definisi Secara Operasional	11
1.11	Penutup	14
2	SOROTAN PENULISAN	15
2.1	Pengenalan	15
2.2	Pengukuran Dan Pentaksiran Dalam Pendidikan	17
2.3	Prinsip Asas Pentaksiran	18
2.4	Konsep Pentaksiran	19
2.5	Objektif Pentaksiran	21
2.6	Ciri-ciri Pentaksiran	22
2.7	Jenis-jenis Pentaksiran	23
2.8	Kajian Komitmen Guru	25
2.9	Kajian-kajian lepas	28
2.10	Penutup	31
3	AMALAN SISTEM PENTAKSIRAN PENDIDIKAN IKRAM MUSLEH DI RANGKAIAN SEKOLAH RENDAH ISLAM MUSLEH	32
3.1	Pengenalan	32
3.2	Latar belakang Sekolah	33

3.3	Dasar dan Objektif	34
3.4	Falsafah Pendidikan Islam	34
3.5	Misi	34
3.6	Moto	34
3.7	Matlamat SPPIM	34
3.8	Latar belakang SPPIM	35
3.9	Rasional Total Assessment	37
3.10	Kumpulan Sasaran	38
3.11	Falsafah Pendidikan Musleh	38
3.12	Syarat-syarat Yang Perlu Ada Dalam SPPIM	38
3.13	Prinsip-prinsip Asas SPPIM	39
	3.12.1 Prinsip Asas SPPIM 1	39
	3.12.2 Prinsip Asas SPPIM 2	40
3.14	Taarifan	40
3.15	Pentaksiran Konstruk Pelajar Ikram Musleh	41
3.16	Senarai Konstruk Tahun 1 Hingga Tahun 6	42
3.17	Mengapa SPPIM ?	43
	3.17.1 Pentaksiran Dalam Peperiksaan	43
	3.17.2 Pentaksiran Pakar Pendidikan Kini	45
3.18	Kenapa SPPIM Perlu Dilaksanakan ?	46

3.19	Penutup	46
4	METODOLOGI KAJIAN	47
4.1	Pengenalan	47
4.2	Rekabentuk Kajian	47
4.3	Lokasi Kajian	48
4.4	Populasi Dan Sampel Kajian	49
4.5	Instrumen Kajian	49
4.6	Kajian Rintis	51
4.7	Kaedah Penganalisan Data	52
4.8	Penutup	53
5	ANALISIS DATA	54
5.1	Pengenalan	54
5.2	Latar belakang Responden	54
5.3	Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	57
5.4	Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	62
5.5	Masalah Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	65
5.6	Tahap Komitmen Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	68
5.7	Hipotesis Kajian	73

5.8	Penutup	77
6	RUMUSAN, PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	78
6.1	Pengenalan	78
6.2	Rumusan	78
6.3	Perbincangan	79
6.3.1	Maklumat Latar belakang Responden	80
6.3.2	Persepsi Guru Sekolah Rendah Islam Rangkaian Musleh Terhadap Pelaksanaan SPPIM	81
6.3.3	Sikap Guru Sekolah Rendah Islam Rangkaian Musleh Terhadap Pelaksanaan SPPIM	83
6.3.4	Tahap Komitmen Guru Sekolah Rendah Islam Rangkaian Musleh Terhadap Pelaksanaan SPPIM	84
6.3.5	Masalah-masalah Yang Di Hadapi Oleh Guru Dalam Melaksanakan SPPIM	85
6.4	Cadangan Kajian	88
6.5	Cadangan Kajian Lanjutan	90
6.6	Penutup	92

SENARAI JADUAL

NO JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
4.1	Taburan item mengikut aspek kajian dalam borang soal selidik bahagian B	50
4.2	Taburan item mengikut aspek kajian dalam borang soal selidik bahagian C	50
4.3	Skala likert 5 mata	51
4.4	Pekali saiz <i>alpha cronbach</i>	52
4.5	Jadual julat pengkelasan skor min	52
5.1	Taburan Responden Mengikut Kumpulan Jantina	54
5.2	Taburan Responden Mengikut Kaum	55
5.3	Taburan Responden Mengikut Jawatan Yang DiSandang	55
5.4	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Akademik	55
5.5	Taburan Responden Mengikut Kelayakan Ikthisas	56
5.6	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	56
5.7	Persepsi Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	57
5.8	Sikap Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	62
5.9	Masalah Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	65
5.10	Tahap Komitmen Guru Terhadap Pelaksanaan SPPIM	68

5.11	Hubungan Kolerasi Diantara Faktor Demografi Dengan Persepsi Guru	73
5.12	Hubungan Kolerasi Diantara Faktor Demografi Dengan Sikap Guru	74
5.13	Hubungan Kolerasi Diantara Faktor Demografi Dengan Tahap Komitmen Guru	75
5.14	Hubungan Kolerasi Diantara Persepsi Guru Dengan Tahap Komitmen Guru	76
5.15	Hubungan Kolerasi Diantara Sikap Guru Dengan Tahap Komitmen Guru	77

SENARAI RAJAH

NO RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka konseptual kajian	11

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK	MUKA SURAT
A	Borang Soal Selidik	97
B	Pengesahan Status Pelajar	104
C	Pengesahan Menjalankan Kajian Dan Pengumpulan Data	105

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pelbagai reformasi dan penstrukturan pendidikan ke arah keberkesanan pendidikan dan pembangunan sekolah sering dilakukan, bukan sahaja di barat malah di benua Asia Pasifik termasuk Malaysia (Cheng 1996). Perkembangan teknologi terkini seperti kemunculan Lebuh Raya Maklumat telah mempertingkatkan kesedaran orang ramai, pendidikan dan pentadbiran terhadap beberapa isu yang berkaitan dengan bidang pendidikan. Kawalan pengurusan sistem pendidikan, aspek akauntabiliti dan ketelusan dalam pelaksanaan dasar pendidikan telah menyebabkan tanggungjawab dan beban tugas profesional pengurusan semakin bertambah.

Pada zaman ledakan teknologi ini, kerajaan dan pelbagai pihak telah berusaha memberi peluang pendidikan yang berkualiti kepada mereka yang ingin meningkatkan tahap pendidikan. Salah satu daripadanya ialah melalui pendidikan swasta yang mula tumbuh bagaikan cendawan selepas hujan. Peningkatan dan sambutan orang ramai terhadap sekolah-sekolah swasta adalah sesuai dengan tuntutan pada masa kini untuk membekalkan pendidikan yang berkualiti dan amalan persekolahan yang lebih efektif. Pentadbiran dan pengurusan sekolah merupakan aspek

yang penting untuk mengendalikan sebuah sekolah dengan berkesan dan sistematik dalam membentuk kualiti pendidikan dan pencapaian akademik pelajar. Pengetua yang berkesan hendaklah mempamerkan kualiti kepimpinan yang tinggi dan berkesan sepertimana yang di war-warkan dalam pergerakan sekolah berkesan. Lebih-lebih lagi dalam konteks sekolah swasta ini yang didirikan atas pembiayaan pengguna, aspek pengurusan dan kepimpinan menjadi lebih penting dan kritikal. Andainya pengurusan dan pengetua gagal untuk mewujudkan pelajar yang berkualiti dan menghasilkan pelajar yang memenuhi piawaian yang dikehendaki oleh ibu bapa pelajar, institusi pendidikan tersebut akan menghadapi masalah.

Sejarah sistem pendidikan Malaysia menunjukkan bahawa pendidikan swasta di Malaysia dikatakan telah berlaku sejak sekian lama dahulu, iaitu seiring dengan kedatangan Islam ke Tanah Melayu. Bermula dengan sekolah quran di rumah, surau atau masjid, beralih kepada sistem pondok, madrasah atau sekolah Arab sehinggalah ke hari ini ia terus berkembang dengan pesat dalam pelbagai bentuk, nama dan tahap pendidikan. Kerajaan Tanah Melayu telah mewartakan Akta Pelajaran 1961 di mana Seksyen 44 akta ini menjelaskan bahawa sekolah swasta mestilah mendaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pada masa ini, Bahagian Pendaftaran Sekolah dan Guru bertanggungjawab mengawasi dan memantau sekolah swasta. Pada 1 Oktober 1995, bahagian ini telah dinaiktaraf menjadi sebuah jabatan yang dikenali sebagai Jabatan Pendidikan Swasta (JPS) yang mengendalikan pengurusan dan pendaftaran sekolah swasta dan institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Salah sebuah sekolah swasta yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelajaran Malaysia ialah Sekolah Islam Hidayah, Johor Bahru. Sekolah ini telah didaftarkan di bawah Pusat Pendidikan SRI-SMI Berhad dengan nama ringkasnya MUSLEH. MUSLEH adalah sebuah syarikat berhad yang ditubuhkan pada 4 Mei 2000 dengan nombor pendaftaran 513402-W adalah tidak mensasarkan keuntungan dalam usaha-usaha yang dipelopori olehnya.

MUSLEH menjalankan usaha-usaha untuk mengarusperdanakan pendidikan Islam melalui pendekatan berkualiti dan global. Di antara tindakan yang telah diambilnya ialah memurnikan kurikulum pendidikan Islam dengan menggabungkan metodologi pendidikan tradisional serta unjuran cabaran masa depan berdasarkan prinsip-prinsip Islam yang universal. Sukatan pelajaran dan latihan diperkayakan dengan sistem penyampaian dan pedagogi terkini. Ia dipantau

dan dicerap secara profesional untuk memastikan keseragaman dan berkualiti. MUSLEH menyediakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH (SPPIM) yang menggabungkan penilaian holistik dan berterusan. Syahadah SPPIM dianugerahkan kepada pelajar-pelajar yang berjaya dalam pendidikan mereka di Sekolah Rendah Islam (SRI) dan Sekolah Menengah Islam (SMI). MUSLEH juga menjalankan kursus dan latihan berterusan kepada para pendidik SRI dan SMI. Setelah tamat, mereka diberi Syahadah Perguruan SRI-SMI (SP SRI-SMI). Ini adalah untuk memastikan bahawa para pendidik merupakan pendidik dan murobbi yang dihormati, disayangi serta berkesan dalam menjalankan tanggungjawab.

Pendidikan Islam pula merupakan satu proses yang berterusan dalam usaha untuk membentuk **'aqliyah dan nafsiah Islamiyah'** yang dapat menyempurnakan tuntutan makarim al-akhlak. Oleh yang demikian, diharap akan lahir satu masyarakat yang mampu memikul tugas dan tanggungjawab sebagai khalifah Allah di muka bumi ini.

1.2 Latar Belakang Masalah

Satu transformasi kurikulum pendidikan dari Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) kepada Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah dilaksanakan pada tahun 2011 dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan rendah agar murid lebih relevan dengan cabaran masa kini. Di dalam KSSR, penerapan kemahiran kepada murid-murid tidak hanya sekadar melibatkan penguasaan kemahiran asas, iaitu membaca, menulis dan mengira (3M) tetapi telah ditambah dengan satu lagi kemahiran iaitu menaakul. Kemahiran menaakul merupakan satu kemahiran yang telah diberi perhatian secara serius oleh sistem pendidikan di Malaysia dengan memasukkan kemahiran ini secara eksplisit di dalam kurikulum pendidikan.

Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) telah menggunakan pendekatan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) untuk mentaksir pembelajaran murid. Dalam pelaksanaan PBS, pentaksiran formatif atau *assesment for learning* diberi penekanan utama untuk meningkatkan meningkatkan lagi pembelajaran murid dan dengan harapan dapat membina potensi murid secara lebih menyeluruh (Na'imah, 2011). Pentaksiran formatif dijalankan secara

berterusan, diintegrasikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) dengan tujuan agar aspek pengukuran murid juga lebih bersifat menyeluruh. Penggunaan teknik pentaksiran formatif yang tepat adalah penting kerana ia membantu murid menguasai apa yang diajar, memberi peluang kepada murid berkomunikasi, mempamerkan kefahaman serta memenuhi keperluan murid untuk meningkatkan pembelajaran mereka (*Black & William 1998*) dan berupaya memberi maklumat kepada murid berkaitan tahap pembelajaran semasa, arah meningkatkan pencapaian serta status pencapaian berbanding objektif pembelajaran (*Chappuls & Chappuls, 2008*). Penggunaan teknik pentaksiran formatif turut membekalkan maklumat berkaitan kualiti pengajaran guru (*Hall & Burke, 2003*).

Walau bagaimanapun maksud teknik pentaksiran harus difahami sebaik mungkin supaya tidak membataskan penggunaannya dan kefahaman terhadapnya. Hal ini kerana persoalan berkaitan teknik pentaksiran formatif muncul dalam beberapa istilah seperti reka bentuk (*Brookhart, 2007*), teknik, alat dan aktiviti (*Pinchock & Brandt, 2009*) yang merujuk sebagai aktiviti yang digunakan dalam pentaksiran. Teknik pentaksiran formatif merupakan proses mentaksir yang digunakan dalam proses P&P, bergerak secara seiring dan *embedded* (*Brookhart, 2007; Mohd Azhar & Shahir, 2007*). Oleh kerana ia berjalan serentak dan *embedded*, ia juga adakalanya dianggap sebagai reka bentuk, teknik, alat atau aktiviti P&P dan tiada garis pemisah yang jelas antara kedua-dua fungsi.

Usaha untuk menemukan amalan pengurusan yang berkesan untuk keberkesanan sekolah dan kualiti pendidikan adalah antara beberapa usaha ke arah reformasi pendidikan. Hasil daripada usaha ini Pengurusan Berasaskan Sekolah (PBS) telah menonjol sebagai amalan pengurusan yang sangat berkesan untuk mencapai keberkesanan sekolah (*Y.C.Cheng 1996*). *Murphy (1997)* menyatakan bahawa PBS merupakan alat untuk pembaikan kualiti pendidikan melalui desentralisasi dalam membuat keputusan sekolah. *Murphy & Beck (1995)* dan *Glickman (1993)* menyatakan ciri penting PBS ialah membuat keputusan secara partisipatif, pengupayaan guru dan penglibatan aktif ibu bapa dalam sekolah dapat membawa kepada keberkesanan sekolah.

Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH (SPPIM) adalah sistem pentaksiran yang merangkumi aspek non-kognitif yang menumpukan dalam bidang akhlak dan moral yang

meliputi konstruk kekeluargaan, amanah dan berbudi bahasa. Keluarga adalah elemen terpenting dalam pembentukan insan terbilang. Keluarga yang ceria, sejahtera dan berkasih sayang amat diperlukan dalam pembentukan akhlak anak-anak. Suasana saling tolong menolong dalam rumahtangga, bermanis muka, berlapang dada, bertolak ansur dan hormat menghormati akan mewujudkan pembentukan peribadi anak-anak positif. Anak-anak yang dibimbing agar sentiasa memelihara kebersihan diri, mewujudkan suasana rumah yang ceria serta berkomunikasi yang baik akan melahirkan anak yang berakhlak mulia.

Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH menggabungkan proses penilaian formatif dan sumatif yang merangkumi kedua-dua aspek kognitif dan non-kognitif. Ia adalah satu sistem pentaksiran yang menyeluruh melalui proses menimbulkan kesedaran tentang perlunya sistem pentaksiran yang menyeluruh, kemudian mengenal pasti konstruk yang harus ditaksir, menentukan instrumen yang sesuai, menghasilkan kerangka konstruk, menghasilkan satu dokumen penerangan tentang kerangka tersebut, menghasilkan atau membina sistem pentaksiran total dan menatar (Khodori, 2001).

Khodori Ahmad (2001) pernah menghuraikan rasional konsep “*Total Assessment*” dengan menyatakan, pentaksiran yang dijalankan dalam dunia pendidikan sekarang kebanyakannya mempunyai skop yang ‘*partial*’ tentang manusia. Kebanyakannya tertumpu kepada aspek kognitif dan sebahagian kecil kepada kompetensi dan tiada dari segi afektif. Alasan yang diberikan ialah subjektiviti. Perhatian yang secukupnya tidak diberikan kepada bidang afektif kerana aspek itu terlalu subjektif. Oleh itu terlalu sukar untuk membentuk instrumen yang mampu memberikan skor yang sah (*valid*) dan boleh dipercayai (*reliable*). Dengan alasan itu, ia terus ditinggalkan. Akibatnya, perkara itu telah tidak diberi perhatian yang sewajarnya dalam pendidikan, sedangkan perkara itu adalah inti kepada pendidikan manusia. Dengan pengaruh serta impak pensijilan yang kuat terhadap pendidikan, inti ini secara perlahan-lahan telah terhapus dari bidang pendidikan. Apabila pendidikan dijadikan sebagai proses memburu sijil, nilainya sebagai pembentuk ummah sudah hilang. Sistem pentaksiran sebegini hanya menggambarkan keunggulan manusia secara *partial*. Dengan yang demikian, pentaksiran secara *partial* hendaklah

ditukar kepada *total*. Berlandaskan pentaksiran yang mengambilkira manusia secara keseluruhan dalam skopnya.

Gambaran yang diberikan dalam skor pentaksiran ini haruslah memberikan gambaran yang menyeluruh tentang individu dari perspektif pendidikan insan yang menyeluruh. Menyeluruh bermakna meliputi semua aspek pembentukan manusia yang menjurus kepada pembentukan manusia unggul.

Dalam peringkat pembangunan Sistem Pentaksiran Pendidikan MUSLEH, pelbagai pihak yang terdiri dari individu, guru serta pentadbir telah berbengkel bagi menjana konstruk insan rabbani sebagaimana yang terdapat pada Falsafah Pendidikan Islam MUSLEH. Setiap konstruk dipecahkan pula kepada beberapa aspek dan kriteria. Aspek dan kriteria inilah yang akan menjadi piawaian bagi mengukur pencapaian pelajar terhadap konstruk tersebut.

1.3 Pernyataan Masalah

Pendidikan di Malaysia kini bergerak mengikut falsafah pendidikan kebangsaan iaitu *Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.* Falsafah Pendidikan Islam pula menjelaskan bahawa pendidikan merupakan satu proses berteraskan Tauhid yang bertujuan membina dan melahirkan insan rabbani yang berilmu, beriman dan berakhlak mulia serta berkemampuan membentuk kehidupan diri sendiri, masyarakat, negara dan dunia sebagaimana yang dituntut oleh Al-Quran dan As-Sunnah melalui satu sistem yang seimbang, bersepadu, menyeluruh dan berterusan. Sehubungan dengan ini, Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH merupakan satu kaedah yang amat sesuai dilaksanakan untuk memenuhi falsafah ini melalui lima bidang pentaksirannya iaitu ilmu, kemampuan, ibadah khusus, iman dan akhlak.

Pentaksiran ini akan dilaksanakan bermula dari pelajar tahun satu SRI sehinggalah pelajar tingkatan lima SMI. Skor pentaksiran ini dapat memberikan gambaran yang menyeluruh tentang individu daripada perspektif pendidikan insan yang menyeluruh.

Pendidikan merupakan suatu proses yang tiada batasannya. Pendidikan secara umumnya adalah satu proses yang berterusan dalam usaha untuk membentuk pola-pola tingkah laku dan sikap tertentu dalam diri manusia yang dididik. Maka, adalah diharapkan Sistem Pentaksiran Pendidikan MUSLEH yang dilaksanakan dapat membangunkan dimensi kemanusiaan pelajar melalui pembaikan kriteria-kriteria dalam diri pelajar secara berterusan.

Dalam kajian ini, penyelidik ingin meninjau dengan lebih dekat lagi persepsi dan sikap guru-guru terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh. Sehubungan dengan itu, aspek-aspek yang ditinjau dalam kajian ini meliputi persepsi (kefahaman dan pengetahuan) guru-guru terhadap Sistem Pentaksiran Pendidikan MUSLEH, sikap, komitmen guru dan masalah-masalah berkaitan pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH tersebut.

Melalui dapatan penyelidik yang lepas, antara masalah-masalah dan kekangan yang dihadapi oleh guru-guru semasa pelaksanaan pentaksiran pelajar adalah kaedah penskoran, kemahiran yang terlalu banyak untuk ditafsirkan, bebanan tugas-tugas yang lain, bilangan pelajar yang terlalu ramai dalam sesebuah kelas dan kekangan masa.

1.4 Persoalan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat menjawab persoalan-persoalan berikut:

- i. Apakah persepsi guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH?
- ii. Apakah sikap guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH?

- iii. Apakah tahap komitmen guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH?
- iv. Apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh guru dalam melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH?

1.5 Objektif Kajian

Kajian ini dilaksanakan adalah untuk mengkaji persepsi, sikap dan masalah guru-guru terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.

Secara khusus objektif kajian ini adalah untuk :

- i. Mengenalpasti persepsi guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.
- ii. Mengenalpasti sikap guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.
- iii. Mengenalpasti tahap komitmen guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.
- iv. Mendedahkan masalah-masalah yang dihadapi oleh guru-guru dalam melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.

1.6 Hipotesis Kajian

- i. Tiada perbezaan yang signifikan persepsi guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH mengikut faktor demografi.
- ii. Tiada perbezaan yang signifikan sikap guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH mengikut faktor demografi.
- iii. Tiada perbezaan yang signifikan tahap komitmen guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH mengikut faktor demografi.
- iv. Tiada hubungan yang signifikan di antara persepsi guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap tahap komitmen guru dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.
- v. Tiada hubungan yang signifikan di antara sikap guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh terhadap tahap komitmen guru dalam pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH

1.7 Rasional / Kepentingan Kajian

Hasil kajian ini diharapkan dapat mendorong guru-guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh agar lebih memahami tentang pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH di sekolah, di samping dapat mengaplikasikannya dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah kecemerlangan pendidikan pelajar. Selain itu, kajian ini juga diharap dapat

mengurangkan perasaan 'bebanan tugas' yang bertambah di kalangan guru-guru dalam melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.


Seterusnya dalam usaha menambahkan kajian ilmiah berkaitan Pendidikan Islam di Malaysia, adalah diharapkan hasil kajian ini dapat digunakan oleh pihak sekolah dalam merancang program bagi meningkatkan mutu pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH.

1.8 Skop dan Batasan Kajian

Antara batasan-batasan yang dihadapi oleh penyelidik sepanjang menjalankan kajian adalah seperti berikut :

- 1) Kajian dijalankan hanya terhadap guru-guru di rangkaian Sekolah Rendah Islam Musleh Zon Selatan sahaja. Hasil dapatan tidak menunjukkan maklumat yang sama ditempat yang berlainan berdasarkan item-item yang dijawab oleh responden.
- 2) Maklumat yang diperolehi hanya bergantung kepada keikhlasan dan ketepatan responden untuk menjawab soalan-soalan yang dikemukakan dalam soal selidik kajian.
- 3) Faktor yang mempengaruhi keberkesanan pelaksanaan SPPIM hanya ditinjau di peringkat sekolah sahaja iaitu meliputi guru-guru sahaja. Pendapat daripada pihak pelajar tidak dikaji dalam kajian ini. Sehubungan dengan itu, hanya maklumat daripada sebelah pihak sahaja iaitu pihak guru. Faktor-faktor luaran yang turut mempengaruhi pelaksanaannya tidak termasuk dalam skop kajian ini.
- 4) Bilangan sekolah yang terlibat dalam pelaksanaan SPPIM ini tidak banyak. Di negeri Johor hanya sebuah sekolah yang menjalankan SPPIM ini. Ekoran itu, kajian ini tidak dapat dijadikan rujukan kepada respond dan lokasi yang lain.

1.9 Kerangka Konseptual Kajian



Rajah 1.1: Kerangka konseptual kajian

Kajian ini adalah untuk melihat persepsi, sikap dan masalah guru terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH serta tahap komitmen guru terhadap sekolah. Rajah 1 di atas menunjukkan kerangka konseptual yang akan digunakan dalam kajian ini. Pembolehubah bersandar dalam kajian ini adalah persepsi, sikap dan masalah yang dihadapi oleh

guru dalam melaksanakan Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH. Manakala pembolehubah bebas dalam kajian ini adalah komitmen guru terhadap sekolah.

1.10 Definisi Operasional

Pentaksiran

Dalam kajian ini pentaksiran SPPIM ialah mentaksir pencapaian pelajar secara menyeluruh (*total assesment*), meliputi aspek pembentukan insan sebagaimana yang tertera dalam Falsafah Pendidikan Islam

Persepsi

Dalam kajian ini persepsi dilihat sebagai proses yang menerima data deria, diturunkan, disepadukan serta disimpan di dalam otak; seterusnya memberi makna atau interpretasi terhadap sesuatu rangsangan oleh individu. Melalui persepsi, deria akan menyusun serta menterjemah lalu seterusnya menghasilkan satu gambaran tentang dunia. Persepsi dianggap sebagai satu proses yang aktif yang melaluinya kita mula menyedari rangsangan sensori.

Sikap

Dalam kajian ini sikap dilihat dengan mengukur pencapaian murid serta penguasaan murid di dalam pembelajaran. Apabila seseorang pelajar menguasai sesuatu pembelajaran maka murid tersebut telah mengalami perubahan sikap.

Komitmen Kerja

Dalam kajian ini komitmen kerja menurut Kushman (1992) merujuk kepada sejauhmanakah seseorang individu menghayati nilai dan matlamat organisasinya dan mencurahkan taat setia kepada organisasi tersebut. Komitmen seseorang terhadap organisasi dapat dilihat dalam tiga konstruk iaitu keyakinan terhadap organisasi, keinginan untuk terus menjadi ahli dalam organisasi tersebut dan kesediaan untuk berusaha lebih demi memajukan organisasi (Reyes, 1992). Selain ini, menurut Mowday et. al., (1982), petanda wujudnya komitmen dalam organisasi ialah kesediaan ahli memberi usaha tambahan ketika menjalankan tugas, keinginan mereka untuk terus kekal bekerja di situ dan kesediaan menerima nilai dan matlamat tambahan organisasi. Allen & Meyer (1992) juga mengklasifikasikan komitmen terhadap organisasi kepada tiga komponen iaitu komitmen aktif, komitmen kesinambungan dan komitmen nomatif.

Perlaksanaan

Dalam kajian ini perlaksanaan bermaksud perihal atau perbuatan melaksanakan (menjalankan, mengusahakan) rancangan tugas dan sebagainya.

Sistem Pentaksiran Pendidikan Islam MUSLEH

Dalam kajian ini Sistem Pentaksiran Pendidikan Ikram MUSLEH (SPPIM) merupakan satu sistem pentaksiran bersepadu dibangunkan oleh Pusat Pendidikan SRI-SMI Berhad (MUSLEH). Ia menggabungkan proses penilaian secara formatif dan sumatif yang merangkumi domain kognitif dan bukan kognitif. terdiri daripada lima bidang iaitu ilmu, kemampuan, ibadah khusus, iman dan akhlak. Ia merupakan kaedah pentaksiran

pencapaian pelajar secara menyeluruh (*holistik*) yang meliputi aspek pembentukan insan bagi merealisasikan Falsafah Pendidikan Islam. Skor pentaksiran memberi gambaran secara menyeluruh tentang individu daripada perspektif pendidikan insan yang menyeluruh. Ia diasaskan kepada Falsafah Pendidikan Islam bagi melahirkan insan yang rabbani dan insan musleh iaitu insan yang mempunyai akhlak yang terpuji dan bermanfaat kepada orang lain. Mereka menjadi contoh, ikutan dan pembimbing kepada orang lain.

1.11 Penutup

Kajian yang dijalankan berdasarkan objektif dan persoalan kajian yang dibina adalah bertujuan menguatkan lagi pemahaman pengkaji terhadap pelaksanaan Sistem Pentaksiran Pendidikan Islam MUSLEH di rangkaian Sekolah Rendah Islam Ikram Musleh.

RUJUKAN

- Ahmad, Dr Khodori and Hamzah, Hanizah. (2001). *Assessing Student's Performance in Information Technology in Secondary Schools*. International Conference on Technology and Vocational Technical Education, organised by UKM and Malaysian National Commission for UNESCO.
- Al-Syyaibani, Omar Muhammad al-Toumy. (1991). *Falsafah Pendidikan Islam*. Terjemahan Hasan Langgulung. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Allen, N.J. and Meyer, J.P. (1992), *The Measurement and Antecedents of Affective, Continuance and Normative Commitment to the Organization*, *The Journal of Occupational Psychology*, 63, p.18
- Azizi Yahya. (2007), *Menguasai Penyelidikan Dalam Penyelidikan*. Kuala Lumpur: PTS Publication Sdn Bhd.
- Selamat, Asri (2007) AMALAN PENTAKSIRAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH BESTARI NEGERI JOHOR DARUL TAKZIM. PhD thesis, Universiti Teknologi Malaysia.
- Bhaasah Abu Bakar (2003). *Asas Pengukuran Bilik Darjah*. Kuala Lumpur: Quantum Hill.
- Black, P. & William, D. (1998). *Inside the black box. Raising standards through classroom assessment*. London: School of Education, King College.
- Brookhart, S. M. (2007). *Expanding views about formative classroom assessment: A review of the literature*. In McMillan J. H. (Eds). *Formative classroom assessment: Theory into practice*, 43-62, New York: Teacher College Press
- Chappuls, S & Chappuls, J. (2008). *The best value in formative assessment: Educational Leadership*, 65 (4): 14-19
- Cheng, Y.C. (1996). *School Effectiveness & school-based management: A mechanism for development*. London: The Felmer Press.
- Chua Yan Piaw. (2006). *“Kaedah Penyelidikan Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 1”* Malaysia: Mc Graw Hill Education

- Cotton, J. (1995). *The Theory of Assessment*. London. Kogan Page.
- Ee Ah Meng (1994). *Psikologi Pendidikan II: Psikologi Perkembangan (semester I)*. Siri Diploma Perguruan: Fajar Bakti Sdn. Bhd. Shah Alam.
- Glickman, M. E. (1993) *Paired comparison models with time-varying parameters*, PhD Dissertation, Harvard University Department of Statistics, Cambridge, USA.
- Gredler, M. E. (1996). *Program evaluation*. Upper Saddle River, NJ: Prentice Hall.
- Harlen, W. (1998) *Classroom assessment: A dimension of purposes and procedures*. In K. Carr (Ed.), *SAMEpapers* (pp. 75–87). Hamilton, New Zealand: Centre for Science, Mathematics and Technology Educational Research, University of Waikato.
- Ismadiah Omar. (2012). *Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah-sekolah Kebangsaan sekitar Gelang Patah, Johor*: Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Kushman, J.W. (1992). The organizational dynamics of teacher workplace commitment: A study of urban elementary and middle schools. *Educational Administration Quarterly*. Continuance, Normative Commitment To The Organization: A meta-analysis of antecedents, correlates and consequences. *Journal Of Vocational Behavior*.
- Khodori et. Al (2006). *Pentaksiran Berasaskan Sekolah- Cara Australia*. Utusan Malaysia (Sisipan Khas Kementerian Pelajaran Malaysia), 26 Oktober 2006
-
- Lambert, D. and Lines, D. (2000) **UNDERSTANDING ASSESSMENT**. London: RoutledgeFalmer.
-
- Manual Prosedur Sistem Pentaksiran Pelajar Ikram MUSLEH (2010). Pusat Pendidikan MUSLEH.
- Marshall, C. & Rossman G. B. 1989. *Designing Qualitative Research*. London: Sage Publication.
- Meyer, J.P. & Alen, N.J., (1990). The Measurement and Antecedents Of Affective, Continuance and Normative Commitment To The Organization. *Journal Of Occupational Psychology*.
- Mayer, I. (2002), “Using text messaging to improve student organization and motivation” Dicapai pada 26 September 2007 daripada laman web a laman web <http://www.emeraldinsight.com>

- Mohamad Azhar Mat Ali & Shahair Jamaluddin. (2007), Amalan pentaksiran untuk pembelajaran di Sekolah Menengah, *Jurnal Pendidikan Fakulti Pendidikan Universiti Malaya*, 27 (1) 19-54
- Mohamed. Najib Abdul Ghafar. (2003). *Reka bentuk Tinjauan Soal Selidik Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamed. Najib Abdul Ghafar. (1998). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Musa. (2008). *Kepimpinan Guru Besar Dalam Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Sekolah Kebangsaan Daerah Kota Tinggi, Johor*. Skudai. Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mowday, R.T., Porter, I.W. and Steers, R.M. (1982), *Employee Organizational Linkages*, Academy Press, New York
- Murphy, J., & Beck, L. G. (1995). *School-based management as school reform: Taking stock*. Thousand Oaks, CA: Corwin.
- Murphy, E. (1997). *Constructivism: From philosophy to practice*. Retrieved October 19, 2008
- Murugaya. (2010). *Persepsi Guru Sekolah Rendah Menengah Pelaksanaan Penilaian Berasaskan Sekolah Di Daerah Kluang, Johor*. Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia.
- Na'imah Ishak. (2011). School based assessment as transformation in educational assessment. *Keynote dalam International Seminar Or Measurement and Evaluation (ICMEE 4)* USM, Pulau Pinang, 9-12 Oktober
- Nurulamizah Abd Reh Sedek. (2012). *Persepsi Sosial Guru Tentang Program Pembaikan Prestasi Sekolah dan Kaitannya Dengan Beban Tugas Guru*. Skudai, Johor : Universiti Teknologi Malaysia
- Pinchok, N., & Brandt, W. C. (2009, December). *Connecting formative assessment research to practice: An introductory guide for educators*. Learning Point Associates.
- Reyes. (1992). *Southern Forest Experiment Station*. New Orleans, La
- Ross, J. A., & Gray, P. (2004). *Transformational Leadership And Teacher Commitment To Organization Values. The Mediating Effects Of Collective Teacher Efficacy*. Paper presented at the annual meeting of The American Educational Research Association In San Diego, CA.

- Ruhila Adnan. (2012). *Perkaitan Kefahaman dan Kesediaan Guru Matematik Tahun1 dan 2 Terhadap Pelaksanaan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) di Daerah Pasir Gudang, Johor* : Skudai, Universiti Teknologi Malaysia
- Salbiah Mohd Som. (2000). *Kajian kes tentang pelaksanaan kemahiran proses sains dalam pengajaran dan pembelajaran Biologi tingkatan empat*. Tesis Sarjana Pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Salvia,J. & Yeseldyke, J.E (2001). *Assessment* (8th). New York. Houghtan Mifflin.
- Sharifah Alwiyah Al Sagoff (1984). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Siri Pendidikan Fajar Bakti.
- Tan Lay Sin. (2012). *Beban Tugas Guru di Tiga Buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina Daerah Segamat*.Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Wan Noraine. (2010). *Kesediaan Guru Dalam Melaksanakan Peka Sains PMR di Sekolah Menengah Kuala Terenganu*. Skudai, Johor: Universiti Teknologi Malaysia
- Zaidatun Tasir dan Mohd Salleh Abu. (2003), *Analisis Data Berkomputer SPSS 11.5 for Windows*. Kuala Lumpur: Venton Publishing (M) Sdn Bhd.